



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
(FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
ARAS 3, BLOK E7, PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA

Tel : 603 - 8883 3888
Faks: 603 - 8889 3815/3341
Kawat: MINHEALTH, KUALA LUMPUR

<http://fsq.moh.gov.my>
E-mail: fsq-division@moh.gov.my

Ruj. Kami : (2) dlm.KKM-163/€1/66

Tarikh : 31 Mei 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

KAWALAN MAKANAN IMPORT DARI TAIWAN

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk pada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima laporan awal daripada media berkaitan isu *tapioca balls* atau *tapioca pearls* keluaran Syarikat Sunright Foods Corporation di Taiwan yang dikesan tercemar dengan *maleic acid* iaitu sejenis bahan yang tidak dibenarkan ditambah dalam produk makanan. Terkini, didapati *tapioca balls* atau *tapioca pearls* yang dikeluarkan oleh beberapa syarikat di Taiwan juga dicemari *maleic acid*. Di samping itu, *maleic acid* juga dikesan di dalam beberapa produk makanan yang lain.

3. Sehubungan ini, sebagai langkah berjaga-jaga, Bahagian ini menetapkan agar **11 produk makanan berasaskan kanji (*starch-based food products*) dari negara Taiwan keluaran syarikat terlibat sahaja** yang telah disahkan tercemar dengan *maleic acid* berdasarkan pemantauan yang dibuat oleh pihak Taiwan Food and Drug Administration (FDA) dan Agri-Food & Veterinary Authority of Singapore (AVA Singapore) **adalah dilarang pengimportannya (Tindakan Pemeriksaan Tahap Enam [6] *Auto-Rejection*)**. Senarai produk terlibat adalah seperti dalam Lampiran I.

4. Di samping itu, kategori produk makanan yang sama yang diimport dari Taiwan yang dikilangkan oleh syarikat selain daripada yang terlibat dalam 11 produk yang dimaksudkan akan dikenakan Tindakan Pemeriksaan Tahap Lima (5) Tahan, Uji & Lepas untuk dianalisa parameter *maleic acid*. Susulan daripada itu juga, berkuatkuasa 20 Jun 2013 atau yang mana lebih terdahulu, semua

konsainan produk terlibat ini yang disertakan dengan Sijil Analisa (*Certificate of Analysis-COA*) untuk parameter maleic acid boleh dilepaskan dengan sampel pemantauan diambil secara rawak dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, COA terlibat perlu mematuhi keperluan berikut:

- i) COA perlu dikeluarkan oleh makmal yang diakreditasi oleh pihak Taiwan FDA
- ii) Bahasa yang perlu dinyatakan di dalam COA adalah Bahasa Inggeris
- iii) COA perlu mengesahkan (*attestation*) bahawa makanan berasaskan kanji berkenaan adalah bebas dari *maleic acid*; dan
- iv) Maklumat mengenai kaedah analisa (*method of analysis*) dan *level of detection* (LOD) yang tidak melebihi 1 mg/kg (*parts per million-ppm*) perlu dinyatakan di dalam COA

5. Walau bagaimanapun, selepas 20 Jun 2013, sekiranya Sijil Analisa (*Certificate of Analysis-COA*) berkenaan tidak disertakan atau dikeluarkan oleh makmal yang tidak diakreditasi oleh Pihak Berkuasa Taiwan atau COA tidak memenuhi semua keperluan yang dinyatakan dari (i) hingga (iv), maka **konsainan terlibat adalah ditolak (*rejected*)**. Jenis produk makanan berasaskan kanji (*starch-based food products*) terlibat adalah seperti dalam **Lampiran II**.

6. Bagi kategori produk makanan berasaskan kanji yang lain yang diimport dari Taiwan dan lain-lain negara, Tindakan Pemeriksaan Tahap Empat (4) Surveilan akan dikenakan ke atas kategori produk berkenaan.

7. Dalam pada itu, senarai makmal yang telah diakreditasi oleh Pihak Berkuasa Taiwan bagi maksud pengeluaran Sijil Analisa (*Certificate of Analysis-COA*) yang dikehendaki akan diberikan dalam tempoh masa terdekat dan akan dimuatnaik melalui ruangan "Latest News" dalam laman sesawang *Food Safety Information System of Malaysia –FoSIM* (<http://fsis2.moh.gov.my/fosimv2>).

8. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak tuan/puan boleh merujuk kepada **Encik S. Govindasamy a/l G. Subramaniam** di talian 03-8883 3517 (govindasamy@moh.gov.my) atau **Encik Muhammad Izwan Bin Ahmad** di talian 03-8883 3537 (izwan@moh.gov.my) untuk mendapat maklumat lanjut.

9. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(NORAINI BINTI DATO' MOHD. OTHMAN)

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Keselamatan dan Kualiti Makanan)
Jabatan Kesihatan Negeri

Semua Timbalan Pengarah
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan